

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(V)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

14. Adakah Kerajaan Negeri dan Jabatan Kerja Raya(JKR) telah merancang untuk mengukuhkan struktur cerun bagi mengelakkan kejadian tanah runtuh di dalam Daerah Timur Laut dan Barat Daya?
- (a) Senaraikan jumlah projek yang telah dilaksanakan?
- (b) Jumlah yang telah diperuntukkan bagi kerja-kerja berkaitan sejak tahun 2016 hingga 2018 dan projek-projek di dalam KADUN Air Itam?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) dan agensi-agensi berkaitan seperti Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) telah merancang dan sedang dalam usaha berterusan untuk mengukuhkan struktur cerun bagi mengelakkan kejadian tanah runtuh dalam Daerah Timur Laut dan Barat Daya. JKR, MBPP serta PBBPP mengambil tindakan segera serta membuat pemantauan berkala dari semasa ke semasa serta menjalankan kerja- kerja penyenggaraan cerun (*preventive maintenance*) di jalan-jalan yang terlibat dengan menggunakan peruntukan yang diperolehi samada melalui peruntukan MBPP bagi jalan bandaran, peruntukan (MARRIS) bagi jalan negeri dan peruntukan persekutuan bagi jalan persekutuan melalui pelaksanaan kerja oleh pihak konsesi yang dilantik oleh Kementerian Kerja Raya. Terdapat juga projek pembaikan dan penstabilan runtuhan cerun yang dilaksanakan oleh pemaju atau pemilik tanah seperti Pihak

Berkuasa Air Pulau Pinang, Badan Pengurusan Bandar Baru Air Itam, Tetuan Kek Lok Si Temple dan Tetuan Eco Terrace Sdn. Bhd. dalam KADUN Seri Delima dan KADUN Paya Terubong.

- (a) Sebanyak 38 projek telah dilaksanakan bagi kerja pembaikan cerun untuk tahun 2016 hingga 2018 di Daerah Timur Laut (DTL) dan 32 projek di Daerah Barat Daya (DBD). Senarai projek dan jumlah peruntukan yang terlibat di DTL adalah seperti di **Lampiran A**. Manakala bagi DBD adalah seperti di **Lampiran B**.
- (b) Sejumlah RM667,496.18 telah diperuntukkan bagi kerja pembaikan cerun untuk tahun 2016 hingga 2018 di KADUN Air Itam. Senarai projek yang terlibat adalah seperti di **Lampiran C**.